

(29 November 1949)

BENDERA PERSEKUTUAN TANAH MELAYU



جامعة
الهندسة والتكنولوجيا
UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

Institut
Pemikiran
dan Kepimpinan
Melayu


INGAT- INGAT LUPA #05

Di mana bumi dipijak,
Di situ langit dijunjung.
Bulat air kerana pembentung,
Bulat manusia itulah muafakat ,,

Pertandingan Merekabentuk **BENDERA PERSEKUTUAN TANAH MELAYU**

Pada 29 November 1949, Majlis Raja-Raja dengan kerjasama Majlis Perundangan Persekutuan telah mengadakan pertandingan untuk memilih reka bentuk bendera bagi kerajaan yang bakal dibentuk pada Mei 1948 dan seramai 373 karyawan telah mengambil bahagian. Pada 15 November 1949 hanya tiga reka bentuk yang berjaya dipilih ke peringkat akhir dan ciptaan Encik Mohamed bin Hamzah (arkitek Jabatan Kerja Raya Negeri Johor) telah dipilih sebagai pemenang.

Pihak Majlis Perundangan Persekutuan telah meminta untuk pindaan dibuat terhadap bintang pecah lima kepada bintang pecah 11 bagi menunjukkan perpaduan 11 negeri sebelum dibawa ke Mesyuarat Majlis Raja-Raja.



3 rekabentuk yang layak ke peringkat akhir.



Majlis penghormatan Bendera Persekutuan di Istana Sultan Selangor.

Pemilihan bendera ini telah mendapat perkenan daripada Mesyuarat Majlis Raja-Raja pada 22 dan 23 Februari 1950 setelah dibuat beberapa pindaan antaranya pada bulan sabit dan bintang dari warna putih ke warna kuning bagi melambangkan warna diraja.

Akhirnya pada 19 April 1950, Majlis Perundangan Persekutuan telah meluluskan usul Bendera Persekutuan. Pada 19 Mei 1950, reka bentuk bendera tersebut telah mendapat kelulusan King George IV. Bendera ini telah dikibarkan buat pertama kalinya di Istana Sultan Selangor di Kuala Lumpur pada 26 Mei 1950. ©IMPAK, UiTM



Bendera Persekutuan Tanah Melayu yang dikibarkan di Padang Kelab Selangor, 31 Ogos 1957.



Pemenang rekabentuk bendera;
Encik Mohamed Bin Hamzah.